

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

**Petronas teroka peluang CO2 bersama syarikat Korea**

# Petronas teroka peluang CO2 bersama syarikat Korea

**PETALING JAYA** – Petronas telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama enam buah syarikat dari Korea Selatan bagi melaksanakan kajian konsep dan kebolehlaksanaan ke arah membangunkan rantaian nilai penuh melibatkan pemerangkapan serta penyimpanan karbon dioksida (CCS), selain pengangkutannya.

Enam syarikat tersebut adalah Samsung Engineering Co. Ltd., Samsung Heavy Industries, SK Earthon Co. Ltd., SK Energy Co. Ltd., GS Energy Corporation and Lotte Chemical Co.

MoU berkenaan turut melibatkan penilaian potensi tapak penyimpanan karbon dioksida di Malaysia dan penerokaan bidang lain merentasi rantaian nilai CCS, termasuk memperkuatkkan pengangkutan karbon dioksida rentas sempadan.

Ketua Pengurusan Karbon

Petronas, Emry Hisham berkata, kajian kebolehlaksanaan di bawah usaha sama tersebut akan mengenal pasti teknologi bersesuaian untuk pengangkutan dan rantai nilai CCS.

“Ia membawa Petronas se langkah lagi, lebih hampir bagi mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju hab penyelesaian CCS serantau,” katanya dalam satu kenyataan.

Turut sama menyaksikan pemeteraian MoU tersebut ialah Naib Presiden Eksekutif Petronas dan Ketua Pegawai Eksekutif Huluan, Datuk Adif Zulkifli.

Menurut Petronas, usaha sama itu adalah sebahagian daripada langkah untuk membina portfolio yang mampu bagi menghasilkan tenaga secara bertanggungjawab serta menyokong peralihan kepada masa depan karbon rendah melalui usaha kerjasama dengan rakan kongsi industri.